

“

FADHILAT

SEDEKAH



 www.sedekahltd.com



FADHILAT SEDEKAH

Allah Ta'ala berfirman:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ بِاللَّيْلِ وَالنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً، فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ، وَلَا
خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

(البقرة: ٢٧٤)

Ertinya: "Orang-orang yang membelanjakan harta mereka siang dan malam secara bersembunyi dan terang-terangan, mereka itu memperoleh pahala di sisi Tuhan mereka, tiada ketakutan bagi mereka, dan mereka tidak berdukacita."

(Al-Baqarah: 274)



 www.sedekahltd.com



FADHILAT SEDEKAH

Abu Hurairah r.a. berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Janganlah kamu menolak orang yang meminta walaupun ia seorang kafir. Lalu salah seorang daripada seorang sahabat r.a. bertanya: Wahai Rasulullah! Adakah kami patut sedekahkan sesuatu daripada harta kami kepada orang-orang kafir? Nabi s.a.w menjawab dengan sabdanya: Ya, sesungguhnya mereka itu adalah makhluk-makhluk Allah dan sesungguhnya sedekah itu terjatuh di tangan qudrat Tuhan yang Rahman.

Nabi s.a.w bersabda: Tiada seorang lelaki bersedekah pada suatu hari dan pada suatu malam melainkan dipeliharanya daripada mati ladghan iaitu digigit bintang, atau daripada mati hadmah iaitu mati dalam keruntuhan rumah, atau mati terkejut.

Riwayat daripada Abu Darda' menyebut bahawa Rasulullah s.a.w bersabda: Tiada naik matahari melainkan dibangkitkan di sebelah tepinya dua Malaikat yang menyeru dan seruannya didengari oleh seluruh isi bumi selain jin dan manusia: Marilah kamu kepada Tuhan kamu! Sesungguhnya sesuatu yang sedikit dan memadai itu lebih baik daripada banyak tetapi melalaikan daripada Tuhan. Kedua-dua Malaikat itu menyeru buat kedua kalinya pula: Wahai Tuhanku!



 www.sedekahltd.com



FADHILAT SEDEKAH

Segerakanlah mengganti harta orang yang mendedekahkan hartanya, dan segerakanlah menahan kebinasaan harta orang yang menginfakkan hartanya.

Nabi s.a.w. telah bersabda:

الصَّدَقَةُ تَمْنَعُ مَيَّةَ السُّوءِ

Ertinya: "Sedekah itu mencegah kematian yang buruk, seperti mati terbakar atau mati lemas di dalam air."

صَدَقَةُ السِّرِّ تُطْفِئُ غَضَبَ الرَّبِّ، وَصَدَقَةُ الْعَلَانِيَةِ جُنَّةٌ مِنَ النَّارِ

Ertinya: "Bersedekah secara sembunyi-sembunyi itu memadamkan kemurkaan Tuhan dan sedekah secara terang-terangan itu pendinding daripada api neraka."

Abu Hurairah r.a. berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Tiada seorang hamba yang memberi sesuatu kepada orang yang meminta walaupun sesuap makanan melainkan Allah Ta'ala menolak niqmat atau siksaan daripadanya.

Sepuluh perkara terpuji terkandung dalam sedekah

Para ulama mengatakan bahawa sedekah itu mengandungi sepuluh perkara yang terpuji. Lima perkara di dunia dan lima perkara lagi di akhirat.



 www.sedekahltd.com



FADHILAT SEDEKAH

Lima perkara di dunia itu ialah:

- [1] Mensucikan harta.
- [2] Mensucikan tubuh badan.
- [3] Menolakkan bala serta penyakit seperti sabda Nabi s.a.w.:

دَاوُوا مَرَضَاكُمْ بِالصَّدَقَةِ

Ertinya: "Ubatilah orang-orang sakit kamu dengan pemberian sedekah."

[4] Menyuntikkan kegembiraan kepada seluruh orang miskin, dan perbuatan mendatangkan kegembiraan kepada orang-orang mu'min merupakan amalan yang lebih afdhal.

[5] Harta menjadi berkat dan rezeki pun luas seperti bunyi firman Allah Ta'ala:

وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ

(سبأ: ٣٩)

Ertinya: "Dan apa yang kamu infakkan daripada sesuatu itu maka Dia menggantikannya." (Saba': 39)



 www.sedekahltd.com



FADHILAT SEDEKAH

Sementara lima perkara di akhirat pula iaitu:

- [1] Memayungi tuannya pada hari Kiamat daripada panas yang bersangatan terik.
- [2] Ringan hisabnya.
- [3] Berat timbangannya.
- [4] Menyeberangkannya dengan mudah di atas shirathul-mustaqim.
- [5] Menambahkan darjatnya di dalam syurga.

Orang yang berakal gemar bersedekah

Andainya sedekah itu tiada sebarang kelebihan selain daripada doa orang miskin untuk pemberinya sahaja nescaya orang yang berakal akan menggemarinya juga. Betapa tidak, kerana ianya merupakan hak Allah Ta'ala, menolak bala, menolak Su'ul-khatimah atau kesudahan yang buruk dan menimbulkan kebencian syaitan.

Diriwayatkan bahawa Saiyidina Abdullah bin Az-Zubair telah menghantar kepada Saiyidatina Aisyah r.a. yang sedang berpuasa dua kantung wang berjumlah 180 ribu dirham. Saiyidatina Aisyah r.a. pun membahagi-bahagikannya kepada orang ramai, dan apabila tiba waktu petang tiada sedirham pun lagi yang tinggal. Apabila mahu berbuka, Saiyidatina Aisyah pun berkata: Wahai jariyah! Bawakan



 www.sedekahltd.com



FADHILAT SEDEKAH

aku makanan untukku berbuka. Lalu dibawakan roti dan minyak zait oleh jariyah itu yang berkata: Bukankah puan, boleh mengambil satu dirham daripada wang yang puan bahagi-bahagikan tadi dan belikan daging untuk kami! Saiyidatina Aisyah menjawab: Jika engkau beritahukan kepada aku tadi nescaya aku lakukannya.

Di dalam khabar disebut bahawa salah seorang sahabat Nabi s.a.w. telah dihadihkan dengan kepala kambing dan beliau telah menjawab: Saudaraku Si Anu itu lebih memerlukannya daripada aku. Si pemberi hadiah itu pun berlalu dan pergi kepada seorang demi seorang sahabat yang memberinya jawapan seperti sahabat yang pertama tadi sehinggalah tiba di pintu rumah sahabat yang ketujuh yang memintanya supaya diberikan sahaja kepada sahabat yang pertama tadi kerana ianya lebih memerlukannya. Lalu turunlah firman Allah Ta'ala:

وَيُؤْتِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ

(الحشر: ٩)

Ertinya: "Mereka lebih mengutamakan orang lain daripada diri sendiri walaupun mereka sendiri berkeperluan." (*Al-Hasyar*: 9)



 www.sedekahltd.com



FADHILAT SEDEKAH

aku makanan untukku berbuka. Lalu dibawakan roti dan minyak zait oleh jariyah itu yang berkata: Bukankah puan, boleh mengambil satu dirham daripada wang yang puan bahagi-bahagikan tadi dan belikan daging untuk kami! Saiyidatina Aisyah menjawab: Jika engkau beritahukan kepada aku tadi nescaya aku lakukannya. Di dalam khabar disebut bahawa salah seorang sahabat Nabi s.a.w. telah dihadihkan dengan kepala kambing dan beliau telah menjawab: Saudaraku Si Anu itu lebih memerlukannya daripada aku. Si pemberi hadiah itu pun berlalu dan pergi kepada seorang demi seorang sahabat yang memberinya jawapan seperti sahabat yang pertama tadi sehinggalah tiba di pintu rumah sahabat yang ketujuh yang memintanya supaya diberikan sahaja kepada sahabat yang pertama tadi kerana ianya lebih memerlukannya. Lalu turunlah firman Allah Ta'ala:

وَيُؤْتِرُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ
(الحشر: ٩)

Ertinya: "Mereka lebih mengutamakan orang lain daripada diri sendiri walaupun mereka sendiri berkeperluan." (Al-Hasyar. 9)



 www.sedekahltd.com



FADHILAT SEDEKAH

Sedekah menutup bermacam-macam pintu keburukan
Nabi s.a.w bersabda:

الصَّدَقَةُ تُسَدُّ سَبْعِينَ بَابًا مِنَ الشُّوْءِ

Ertinya: "Sedekah itu menutup tujuh puluh buah pintu keburukan."

Follow us for more!



Like



Comment



Share



Save



 www.sedekahltd.com